

# 5

## **KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

- Jabatan Bomba dan Penyelamat  
Malaysia
- Pengurusan Perkhidmatan  
Kebombaan



# KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

### 1. PENGURUSAN PERKHIDMATAN KEBOMBAAN

#### ABSTRAK

*Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) adalah jabatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang bertanggungjawab untuk memberi khidmat mencegah dan memadam kebakaran, menyelamatkan nyawa dan harta benda, memberi khidmat kemanusiaan serta menguatkuasakan undang-undang berkaitan perkhidmatan kebombaian dengan cekap dan berkesan.*

*Pengauditan bertumpu kepada pengurusan perkhidmatan kebombaian yang terdiri daripada aktiviti memadam kebakaran dan khidmat kemanusiaan serta keselamatan kebakaran bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perkhidmatan kebombaian oleh JBPM telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.*

*Secara keseluruhannya, aktiviti perkhidmatan kebombaian telah mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Bagaimanapun, ia boleh ditambah baik dalam aspek pengurusan perakuan bomba, pelaksanaan projek pembangunan dan kenderaan operasi JBPM.*

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) adalah jabatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Berdasarkan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341), tugas utama JBPM adalah untuk memberi khidmat yang cekap dan berkesan dalam mencegah dan memadam kebakaran, menyelamatkan nyawa dan harta benda, memberi khidmat kemanusiaan serta menguatkuasakan undang-undang berkaitan perkhidmatan kebombaian.

1.2. Dalam memastikan JBPM kekal relevan sebagai organisasi yang memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan, pelan strategik dan dasar telah dirangka oleh JBPM dan KPKT seperti dalam **Rajah 1**.

## RAJAH 1 PELAN STRATEGIK DAN DASAR

| PELAN STRATEGIK JBPM                                                                                                                                        |                                                                                                                           | DASAR KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN NEGARA 2021-2030 |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|
| TAHUN 2009 - 2020                                                                                                                                           | PINDAAN PELAN TINDAKAN TAHUN 2013-2015                                                                                    |                                                   |
| Strategi teras merangkumi operasi kebombaan, keselamatan kebakaran, pembangunan organisasi, pengurusan sumber manusia serta pengurusan sumber dan logistik. | Teras strategik untuk memperkasakan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan untuk kesejahteraan kualiti hidup masyarakat. | Memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat.  |

Sumber: Pelan Strategik JBPM dan Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara 2021-2030

1.3. Berdasarkan Pelan Strategik JBPM Tahun 2009-2020, misi JBPM adalah untuk memberikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda menggunakan sumber secara berkesan dan teknologi terkini. Perkhidmatan kebombaan terdiri daripada aktiviti memadam kebakaran dan khidmat kemanusiaan serta keselamatan kebakaran. Aktiviti memadam kebakaran dan khidmat kemanusiaan bermula daripada penerimaan panggilan kecemasan di bilik kawalan balai dan penghantaran pasukan tindakan kecemasan bagi menguruskan sesuatu insiden. Aktiviti keselamatan kebakaran merupakan aktiviti pencegahan merangkumi perakuan bomba, aktiviti menghapuskan bahaya kebakaran dan program kesedaran keselamatan kebakaran.

1.4. Perkhidmatan kebombaan yang cekap dan berkesan antaranya bergantung kepada kefungsian Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) serta kenderaan operasi. Setakat bulan Disember 2023, JBPM mempunyai 337 BBP di 13 negeri dan tiga Wilayah Persekutuan (WP). JBPM juga mempunyai 2,374 unit kenderaan operasi yang meliputi 644 unit jentera bomba, 827 unit kenderaan khas, 891 unit kenderaan marin dan 12 unit kenderaan udara.

1.5. Bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023, sebanyak 396,821 kes telah dikendalikan oleh JBPM meliputi kes kebakaran, penyelamatan dan tugas-tugas khas. Sejumlah RM8.873 bilion taksiran kerugian telah dicatatkan manakala harta yang berjaya diselamatkan adalah RM43.120 bilion daripada 137,645 kes kebakaran yang dilaporkan bagi tempoh yang sama.

1.6. Pengurusan perkhidmatan kebombaan dibiayai melalui peruntukan mengurus dan pembangunan yang disalurkan oleh KPKT. Bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023, jumlah keseluruhan peruntukan yang disalurkan adalah RM1.523 bilion iaitu RM1.210 bilion bagi peruntukan mengurus dan RM0.313 bilion bagi peruntukan pembangunan. Selain itu, sejumlah RM1.511 bilion telah dibelanjakan bagi tempoh yang sama iaitu RM1.210 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM0.301 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

## **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perkhidmatan kebombaan oleh JBPM telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

## **3. SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan meliputi prestasi dan pengurusan perkhidmatan kebombaan bagi tahun 2020 hingga 2023. Pengauditan telah dilaksanakan di Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan (BPJ), KPKT, Ibu Pejabat JBPM, JBPM Negeri Selangor, JBPM Negeri Johor dan JBPM WP Putrajaya. Pengauditan juga dilaksanakan di BBP Kuala Kubu Bharu, BBP Shah Alam, BBP Kota Anggerik, BBP Larkin, BBP Renggam dan BBP Putrajaya Presint 7. Pemilihan sampel berdasarkan kriteria jumlah panggilan kecemasan, peratus masa respons dan bilangan premis yang perlu diberi perakuan bomba.

## **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan perkhidmatan kebombaan. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, ujian *walkthrough* berkaitan proses kerja penghantaran pasukan penyelamat dan pemeriksaan premis bagi tujuan pengeluaran perakuan bomba telah dilaksanakan. Pemeriksaan fizikal juga telah dilaksanakan terhadap kenderaan operasi di BBP yang terpilih.

## **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Pengauditan dilaksanakan antara bulan Januari hingga Disember 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas KPKT dan JBPM telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 9 Februari 2024. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti dalam perenggan berikut:

### **5.1. Prestasi Perkhidmatan Kebombaan**

Perkhidmatan kebombaan terdiri daripada aktiviti memadam kebakaran dan khidmat kemanusiaan serta keselamatan kebakaran. Prestasi perkhidmatan tersebut dinilai dari aspek pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) masa respons, KPI perakuan bomba, pemeriksaan menghapuskan bahaya kebakaran, program kesedaran awam dan projek pembangunan.

### 5.1.1. Pencapaian KPI Masa Respons

- a. Mengikut Garis Panduan Melaksanakan *Key Performance Indicator Response Time* JBPM Bagi Seluruh Negeri dan Balai Tahun 2012, masa respons bermaksud satu gerak kerja yang melibatkan satu pasukan bertindak bermula dari loceng dibunyikan sehingga jentera pertama sampai ke tempat kejadian. Berdasarkan Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2015 JBPM/PK 01 Operasi Kebombaan, mulai 30 November 2021, masa respons merujuk kepada pengukuran masa daripada terima panggilan dan pemakluman kecemasan di bilik kawalan balai hingga jentera sampai ke lokasi kejadian.
- b. KPI Ketua Setiausaha KPKT serta Ketua Pengarah JBPM yang ditetapkan adalah peratus masa respons bawah 10 minit serta purata masa respons kebangsaan. KPI peratus masa respons yang disasarkan adalah antara 55% hingga 63% bagi tahun 2020 hingga 2023 manakala sasaran KPI purata masa respons kebangsaan adalah 10 dan 9:42 minit bagi tahun 2022 dan 2023. Formula pengiraan adalah seperti dalam **Rajah 2**.


**RAJAH 2**  
**FORMULA PENGIRAAN KPI MASA RESPONS**

|                                                                                                                       |                                                                                                             |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Peratus masa respons bawah 10 minit</b><br>= $\frac{\text{Bil. kes bawah 10 minit} \times 100}{\text{Jumlah kes}}$ | <b>Purata masa respons kebangsaan</b><br>= $\frac{\text{Jumlah masa respons (minit)}}{\text{Bilangan kes}}$ |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Sumber: Laporan Pencapaian KPI Ketua Setiausaha KPKT Tahun 2020 - 2023

- c. Secara keseluruhannya, **JBPM telah mencapai KPI peratus masa respons bawah 10 minit bagi tempoh 2020 hingga 2023 iaitu antara 59.1% hingga 66.7% berbanding sasaran antara 55% hingga 63%**. Trend pencapaian KPI masa respons meningkat dari tahun 2020 hingga 2023 dengan kadar peningkatan antara 0.3% hingga 6%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI PERATUS MASA RESPONS**  
**BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2023**



Sumber: Laporan Pencapaian KPI Ketua Setiausaha KPKT Tahun 2020 - 2023

- d. KPI purata masa respons kebangsaan telah ditetapkan bermula tahun 2022. **Secara keseluruhannya, JBPM telah mencapai KPI purata masa respons kebangsaan bagi tahun 2022 dan 2023 dengan pencapaian bagi tahun 2022 selama 8:46 minit manakala pencapaian tahun 2023 selama 8:44 minit.**

#### **Maklum Balas JBPM yang diterima pada 16 Ogos 2023**

JBPM telah mengambil alternatif lain dengan mewujudkan Pasukan Bomba Sukarela, Bomba Komuniti dan Pasukan Bomba Bantuan yang boleh digerakkan sebagai *first responder* bagi tujuan mencapai masa respons di bawah 10 minit.

#### **Maklum Balas KPKT yang diterima pada 13 Mei 2024**

Bagi mempertingkatkan lagi kecekapan penyampaian perkhidmatan kebombaan, KPKT telah melaksanakan pengukuhan perjawatan dan penstrukturan semula. Pengukuhan perjawatan fasa pertama telah diperakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 14 Disember 2023 dan waran perjawatan tersebut telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2024. Fasa kedua melibatkan JBPM Negeri sedang dikaji selaras dengan ulasan JPA untuk turut memberi tumpuan kepada pengukuhan zon serta Balai Bomba dan Penyelamat.

#### **Pendapat Audit**

**Secara keseluruhannya, KPI masa respons telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, sasaran KPI masa respons boleh dikaji semula memandangkan pencapaiannya telah melebihi sasaran dan JBPM mempunyai pelbagai alternatif bagi tujuan mencapai masa respons.**

### 5.1.2. Pencapaian KPI Perakuan Bomba

- a. Perakuan bomba adalah bertujuan untuk memastikan premis ditetapkan mempunyai kemudahan kelengkapan keselamatan kebakaran yang mencukupi demi keselamatan nyawa dan harta benda daripada kebakaran. Premis ditetapkan merupakan premis mengikut Jadual Premis Ditetapkan dalam Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) (Pindaan) 2020, Akta 341.
- b. Berdasarkan KPI Ketua Setiausaha KPKT dan Ketua Pengarah JBPM tahun 2020 hingga 2023, sebanyak 88% hingga 92% premis ditetapkan perlu mempunyai perakuan bomba. Butiran lanjut mengenai sasaran dan pencapaian KPI perakuan bomba adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)**  
**PERAKUAN BOMBA BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2023**

| TAHUN | SASARAN/KPI                                                                                                                     | PENCAPAIAN (%) |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| 2020  | Meningkatkan bilangan premis ditetapkan (Designated Premises) yang mempunyai perakuan bomba/ <i>fire certificate</i> (FC) - 88% | 77.8           |
| 2021  | Memastikan bilangan premis ditetapkan (Designated Premises) yang mempunyai perakuan bomba/FC - 88%                              | 89.5           |
| 2022  | Memastikan premis ditetapkan yang mempunyai perakuan bomba/FC - 90%                                                             | 91.4           |
| 2023  | Memastikan premis ditetapkan yang mempunyai perakuan bomba/FC – 92%                                                             | 96.3           |

Sumber: Kamus KPI dan Laporan KPI Bahagian Keselamatan Kebakaran Tahun 2020 - 2023, JBPM

- c. Berdasarkan laporan statistik perakuan bomba pada 31 Disember 2023, terdapat 8,809 unit premis ditetapkan di seluruh negara. Secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023, **JBPM telah mencapai KPI yang telah ditetapkan kecuali bagi tahun 2020 disebabkan pemeriksaan tidak dapat dijalankan kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** pada tahun tersebut.

|                       |                                                                                                                                                  |
|-----------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat Audit</b> | <b>Secara keseluruhannya, KPI bagi perakuan bomba telah mencapai sasaran yang ditetapkan kecuali bagi tahun 2020 disebabkan pelaksanaan PKP.</b> |
|-----------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

### 5.1.3. Pencapaian Pemeriksaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran

- a. Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) adalah salah satu elemen dalam Akta 341. Berdasarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2014, MBK adalah pemeriksaan premis untuk memastikan premis selamat daripada risiko kebakaran. Setelah pemeriksaan dilaksanakan, notis akan dikeluarkan kepada premis yang mempunyai bahaya kebakaran.
- b. Sasaran pemeriksaan MBK disediakan setiap tahun dengan memberi keutamaan kepada premis berisiko tinggi. Pelaksanaan MBK ini akan dapat memastikan keselamatan nyawa dan harta daripada risiko kebakaran seterusnya menjamin kesejahteraan dan memelihara ekonomi negara.
- c. Bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023, **JBPM telah mencapai sasaran pemeriksaan MBK yang ditetapkan iaitu 58,046 pemeriksaan berbanding sasaran sebanyak 46,307 pemeriksaan.** Butiran maklumat pencapaian pemeriksaan MBK mengikut tahun adalah seperti dalam **Jadual 2.**

**JADUAL 2**  
**SASARAN DAN PENCAPAIAN MBK BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2023**

| TAHUN         | BILANGAN PEMERIKSAAN PREMIS |               | PERATUS PENCAPAIAN (%) |
|---------------|-----------------------------|---------------|------------------------|
|               | SASARAN                     | PELAKSANAAN   |                        |
| 2020          | 10,173                      | 11,745        | 115.5                  |
| 2021          | 9,239                       | 9,990         | 108.1                  |
| 2022          | 14,900                      | 18,740        | 125.8                  |
| 2023          | 11,995                      | 17,571        | 146.5                  |
| <b>JUMLAH</b> | <b>46,307</b>               | <b>58,046</b> | <b>125.4</b>           |

Sumber: Laporan MBK Bahagian Keselamatan Kebakaran Tahun 2020 - 2023, JBPM

**Pendapat Audit** | Secara keseluruhannya, pemeriksaan MBK telah mencapai sasaran yang ditetapkan.


### 5.1.4. Pencapaian Program Kesedaran Awam

- a. Berdasarkan Pelan Strategik JBPM 2009 - 2020, program kesedaran awam merupakan program yang dilaksanakan oleh JBPM untuk meningkatkan tahap kesedaran awam mengenai keselamatan kebakaran. Program tersebut diadakan di kawasan perumahan, pejabat Kerajaan/swasta, sekolah dan institusi pengajian tinggi. Berdasarkan Strategi 1, Pelan Tindakan Keselamatan Kebakaran, Pelan Strategik JBPM 2009 - 2020, antara strategi yang ditetapkan bagi menginstitusikan keselamatan kebakaran adalah dengan memasukkan elemen keselamatan kebakaran dalam sistem pembelajaran dan pelbagai peringkat

seperti Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-Kanak (3K) di peringkat tadika, Skuad Bomba di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi.

- b. Teras 2, Strategi 2.8, Dasar Kebommbaan dan Penyelamatan Negara 2021-2030 menetapkan peningkatan program bomba bersama masyarakat seperti program Skuad Urus Risiko Isi Rumah, Kempen "1 Rumah 1 Alat Pemadam Api", Bomba Komuniti dan *Community Fire Drill*.
- c. JBPM telah merancang sebanyak 13,501 program kesedaran pada tahun 2020, 11,786 program pada tahun 2021 serta 17,500 program pada tahun 2022 dan 2023. Secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023, **JBPM telah mencapai sasaran pelaksanaan Program Kesedaran Awam yang dirancang kecuali bagi tahun 2020 dan 2021 disebabkan PKP**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 2**.

**CARTA 2**  
**SASARAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN AWAM**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2023**



Sumber: Data Sasaran dan Pelaksanaan Kempen Kesedaran Keselamatan Awam bagi Tahun 2020-2023, JBPM

- d. Bagaimanapun, didapati **penilaian terhadap program kesedaran awam tidak dilaksanakan bagi menentukan keberkesanannya**. Penilaian ini penting bagi menentukan sama ada program yang dilaksanakan telah mencapai tujuannya iaitu meningkatkan tahap kesedaran awam terhadap keselamatan kebakaran.

### **Maklum Balas JBPM yang diterima pada 13 Mei 2024**

JBPM telah menambahbaik pelaksanaan Kajian Kepuasan Pelanggan bagi menilai dan mengukur keberkesanan program melalui sistem e-Premis mulai tahun 2024. Kajian Keberkesanan Program Kesedaran Awam (jangka pendek) akan dilaksanakan dalam

tempoh 3 tahun setelah sistem e-Premis JBPM mempunyai data yang mencukupi untuk menilai keberhasilan Program Kesedaran Awam.

**Pendapat Audit** | **Ketiadaan penilaian secara khusus terhadap program yang dilaksanakan menyebabkan JBPM tidak dapat menentukan impak program tersebut.**

**5.1.5. Pencapaian Projek Pembangunan**

- a. Unit Perancang Ekonomi (UPE)/Kementerian Ekonomi telah meluluskan sebanyak 66 projek pembangunan di bawah JBPM yang meliputi *Rolling Plan* (RP) Keempat Rancangan Malaysia Ke-11 Tahun 2020 hingga RP Ketiga Rancangan Malaysia Ke-12 Tahun 2023 dengan kos keseluruhan berjumlah RM707.92 juta.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 66 projek pembangunan yang diluluskan dalam RP telah dilaksanakan oleh KPKT dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61 projek telah siap mengikut jadual atau mengikut tempoh EOT yang diluluskan, projek dalam pelaksanaan dan projek dalam peringkat pra pelaksanaan. Selain itu, terdapat tiga projek tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan dan dua projek ditamatkan. Ringkasan status pelaksanaan projek tersebut sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**RINGKASAN STATUS PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN**  
**SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

| STATUS PROJEK                                       | BILANGAN PROJEK |
|-----------------------------------------------------|-----------------|
| Siap mengikut jadual/tempoh EOT yang diluluskan     | 25              |
| Dalam pelaksanaan                                   | 23              |
| Peringkat pra pelaksanaan                           | 13              |
| <b>JUMLAH (a)</b>                                   | <b>61</b>       |
| Tidak siap/Tidak bekal dalam tempoh yang ditetapkan | 3               |
| Ditamatkan                                          | 2               |
| <b>JUMLAH (b)</b>                                   | <b>5</b>        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN (a + b)</b>                   | <b>66</b>       |

Sumber: Surat Setuju Terima (SST), Kenyataan Iklan Tender JKR, Surat Mesyuarat Penyelarasan KPKT/JKR, Minit Mesyuarat Tapak JKR, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan KPKT, Surat Kelulusan [Notice of Change (NOC)] Kementerian Ekonomi, Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap [Certificate of Non-Completion (CNC)] dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NP)

c. Butiran lanjut mengenai projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

**i. Projek Siap Mengikut Jadual/Tempoh EOT Yang Diluluskan**

- Empat projek siap mengikut tempoh siap asal yang ditetapkan. Projek tersebut adalah perolehan kenderaan/helikopter dan kelengkapan kebombaan, kajian perlindungan kebombaan dan projek baik pulih serta penyenggaraan fasiliti dan peralatan di BBP/kuarters.
- 21 projek pembinaan bangunan BBP dan kuarters disiapkan dalam tempoh tarikh pelanjutan masa siap dibenarkan (EOT) antara 114 hingga 1,245 hari dengan satu hingga lapan kali EOT.

**ii. Projek Dalam Pelaksanaan**

- 23 projek dilaksanakan mengikut jadual.
- Projek tersebut terdiri daripada 10 projek pembinaan BBP dan kuarters, empat projek pembinaan bangunan lain serta sembilan projek pelbagai pembekalan.

**iii. Projek Peringkat Pra Pelaksanaan**

- Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 13 projek pembangunan dalam peringkat pra pelaksanaan seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PROJEK PEMBANGUNAN DALAM PERINGKAT PRA PELAKSANAAN**  
**SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

| PERINGKAT                              | PROJEK PEMBANGUNAN                                                 | TAHUN LULUS | BILANGAN PROJEK |
|----------------------------------------|--------------------------------------------------------------------|-------------|-----------------|
| Memuktamad kaedah pelaksanaan projek   | Pembinaan BBP dan Kuarters Gohtong Jaya                            | 2021        | 1               |
| Penyediaan reka bentuk dan spesifikasi | • Pembinaan BBP Kuala Balah                                        | 2021        | 5               |
|                                        | • Perolehan 40 unit <i>Light Utility Vehicle</i>                   | 2022        |                 |
|                                        | • Pembinaan BBP Permatang Tinggi                                   | 2023        |                 |
|                                        | • Pembinaan BBP Benta                                              | 2023        |                 |
|                                        | • Pembinaan BBP Seksyen 7, Shah Alam                               | 2023        |                 |
| Perolehan                              | • <i>Command, Control, Communication, Computer and Intelligent</i> | 2021        | 7               |
|                                        | • Pembinaan Kuarters BBP Pagoh                                     | 2022        |                 |
|                                        | • Naik taraf BBP Jalan Kubu, Melaka                                | 2022        |                 |
|                                        | • Pembekalan 150 unit bot fiber                                    | 2023        |                 |
|                                        | • Pembekalan 25 set <i>rope rescue gear</i>                        | 2023        |                 |
|                                        | • Pembelian bangunan BBP Kota Sentosa, Sarawak                     | 2023        |                 |
|                                        | • Naik taraf BBP Kluang, Johor                                     | 2023        |                 |
| <b>JUMLAH</b>                          |                                                                    |             | <b>13</b>       |

Sumber: Kenyataan Iklan Tender JKR, Surat Mesyuarat Penyelarasan KPKT/JKR dan Minit Mesyuarat Tapak JKR

## **Maklum Balas KPKT dan JBPM yang diterima pada 19 Februari 2024 dan 4 Mac 2024**

### **BBP dan Kuarters Gohtong Jaya**

Pelaksanaan projek diputuskan pada 18 Januari 2024 melalui kaedah pembelian bangunan menggunakan tapak baharu milik syarikat pemaju. Pihak pemaju dijangka akan mengemukakan keputusan kajian dan tawaran harga jualan kepada pihak JBPM pada bulan Mac 2024.

### **BBP Kuala Balah**

Pihak BPJ telah mengemukakan surat permohonan pengesahan brif dan skop projek kepada JBPM pada 29 Januari 2024 dan lawatan tapak bersama pihak PBT serta penyedia utiliti diadakan pada 15 Februari 2024.

### **Pembekalan 40 Unit *Light Utility Vehicle***

Dalam proses memuktamadkan spesifikasi tender dan dijangka diiklankan pada bulan Mac 2024.

### **BBP Benta**

Dalam proses pertukaran hak milik tanah.

### **BBP Seksyen 7, Shah Alam**

Mesyuarat semakan anggaran kos awalan telah diadakan pada 10 Januari 2024 dan permohonan *Notice of Change* (NOC) bagi peningkatan kos projek telah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi pada 15 Februari 2024.

### **Kuarters BBP Pagoh**

Pemaju akan mengemaskini semula tawaran harga jualan setelah proses perolehan tender oleh pemaju selesai dilaksanakan.

### **Naik taraf BBP Kluang, Johor**

Dalam proses permohonan kelulusan NOC daripada Kementerian Ekonomi bagi peningkatan kos projek pada 12 Januari 2024. Mesyuarat Penyelarasan Perunding telah diadakan pada 24 Januari 2024 dan lawatan tapak pada 31 Januari 2024.

## **Maklum Balas JKR yang diterima pada 13 Mei 2024**

### **BBP Permatang Tinggi**

Terdapat perubahan tarikh jangkaan tender bagi projek memandangkan reka bentuk konsep dan anggaran kos awalan belum dimuktamadkan oleh JBPM. Perbincangan berkenaan reka bentuk konsep dan anggaran kos awalan akan dilaksanakan pada 21 Mei 2024.

### **Naik taraf BBP Jalan Kubu, Melaka**

Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 13 Mei 2024 dan tarikh milik tapak adalah pada 27 Mei 2024.

#### **iv. Projek Tidak Siap Dalam Tempoh Yang Ditetapkan**

- Dua projek iaitu pembinaan BBP dan Kuarters Nabawan dan Pitas tidak disiapkan dan dikeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap [Certificate of Non-Completion (CNC)] pada 26 dan 25 September 2023.
- Satu projek pembekalan kenderaan *Compact Fire Rescue Tender* (CFRT) masih belum dibekalkan dengan kelewatan antara 23 hingga 164 hari.

### **Maklum Balas JBPM yang diterima pada 19 Februari 2024 dan 6 Mac 2024**

#### **BBP dan Kuarters Nabawan**

Surat peringatan kelewatan kerja dikeluarkan kepada kontraktor pada 22 Januari 2024. Kontraktor diarahkan untuk meningkatkan produktiviti kerja di tapak dan menyediakan perancangan pemulihan.

#### **BBP dan Kuarters Pitas**

Arahan Perubahan Kerja telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 18 Januari 2024. Permohonan EOT No. 2 telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemberian Lanjutan Masa (JPLM) peringkat BPJ pada 6 Februari 2024. Projek telah diluluskan EOT No. 2 selama 252 hari dengan tarikh siap semasa pada 3 Jun 2024 kerana terdapat penambahan skop kerja bagi pembaikan kerosakan paip dan seterusnya permohonan tersebut akan dibawa ke peringkat JPLM peringkat KSU, KPKT.

#### **v. Projek Ditamatkan**

- Dua projek ditamatkan iaitu projek pembinaan BBP AU3 Ampang dan projek perolehan enam unit *Fire Rescue Boat* (FRB).
- Projek pembinaan BBP AU3 Ampang ditamatkan kerana kemajuan kerja pembinaan tidak mengikut jadual manakala perolehan enam unit FRB ditamatkan kerana kontraktor gagal untuk melaksanakan pembekalan dalam tempoh remedi yang diberikan. Notis penamatan telah dikeluarkan masing-masing pada bulan Ogos dan September 2023.
- Sehingga bulan Disember 2023, status projek pembinaan BBP AU3 Ampang telah mendapat kelulusan perubahan NOC daripada Kementerian Ekonomi.

## **Maklum Balas JBPM yang diterima pada 4 Mac 2024**

### **Perolehan Enam Unit FRB**

Dalam proses memuktamadkan spesifikasi tender dan dijangka diiklankan pada bulan Mac 2024.

## **Maklum Balas JKR yang diterima pada 13 Mei 2024**

### **BBP AU3 Ampang**

Iklan tender bagi projek Menyiapkan Baki Kerja BBP AU3 Ampang dikeluarkan oleh JKR pada 16 Januari 2024 manakala lawatan tapak dan taklimat tender diadakan pada 31 Januari 2024.

|                       |                                                                                                                                                                         |
|-----------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat Audit</b> | <b>Secara keseluruhannya, projek pembangunan JBPM telah dilaksanakan mengikut perancangan dengan 61 (92.4%) daripada 66 projek telah siap atau sedang dilaksanakan.</b> |
|-----------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## **5.2. Pengurusan Perkhidmatan Kebombaan**

### **5.2.1. Perakuan Bomba**

- a. Subseksyen 28(1) Akta 341 menyatakan bahawa tiap-tiap premis ditetapkan hendaklah memerlukan suatu perakuan bomba. Subseksyen 29(5), Akta 341 menyatakan setelah membuat pemeriksaan perakuan bomba dan pegawai pemeriksa tidak berpuas hati tentang apa-apa kemudahan bagi kelengkapan kebakaran yang mencukupi bagi premis, Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi (Notis FC6) hendaklah dikeluarkan. Notis tersebut memberitahu keperluan yang perlu dipatuhi beserta tempoh masa yang ditetapkan bagi premis membuat pembetulan sebelum perakuan bomba boleh dikeluarkan.
- b. Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 2 Tahun 2009 menyatakan sekiranya pemohon tidak mematuhi Notis FC6, maka premis itu dianggap tiada perakuan bomba. Perkara ini merupakan satu kesalahan mengikut Seksyen 33, Akta 341 dan pegawai hendaklah mengeluarkan Laporan Kesalahan Berkenaan Dengan Perakuan Bomba Untuk Penyediaan Kertas Siasatan (Borang FC7) bagi tujuan penyediaan kertas siasatan sebelum dibawa kepada tindakan pendakwaan.
- c. Semakan Audit terhadap 80 sampel rekod premis di Negeri Selangor, Johor dan WP Putrajaya mendapati **tujuh premis Kerajaan dan swasta tidak mempunyai perakuan bomba**. Semakan Audit selanjutnya mendapati tujuh premis tersebut telah dikeluarkan Notis FC6 dan telah tamat tempoh notis

tersebut. Sehingga 30 November 2023, **JBPM tidak mengeluarkan Borang FC7 kepada tujuh premis tersebut antara lima hingga 121 bulan dari tarikh tamat Notis FC6.** Senarai premis dan tempoh masa tidak mengeluarkan Borang FC7 adalah seperti dalam **Jadual 5.**

**JADUAL 5**  
**SENARAI PREMIS DAN TEMPOH MASA TIDAK DIKELUARKAN**  
**LAPORAN KESALAHAN (BORANG FC7)**

| BIL.                | NAMA PREMIS                | TARIKH TAMAT NOTIS FC6 | TEMPOH MASA TIDAK MENGENGKARKAN BORANG FC7 SEHINGGA 30 NOVEMBER 2023 |
|---------------------|----------------------------|------------------------|----------------------------------------------------------------------|
| <b>NEGERI JOHOR</b> |                            |                        |                                                                      |
| 1.                  | Premis A (premis Kerajaan) | 27.12.2022             | 11 bulan 3 hari                                                      |
| 2.                  | Premis B (premis swasta)   | 21.11.2019             | 48 bulan 9 hari                                                      |
| 3.                  | Premis C (premis Kerajaan) | 18.05.2021             | 30 bulan 12 hari                                                     |
| 4.                  | Premis D (premis swasta)   | 01.06.2023             | 5 bulan 29 hari                                                      |
| 5.                  | Premis E (premis Kerajaan) | 06.06.2023             | 5 bulan 24 hari                                                      |
| <b>WP PUTRAJAYA</b> |                            |                        |                                                                      |
| 6.                  | Premis F (premis swasta)   | 27.07.2021             | 28 bulan 3 hari                                                      |
| 7.                  | Premis G (premis Kerajaan) | 07.10.2013             | 121 bulan 23 hari                                                    |

Sumber: Rekod Premis Negeri Johor dan WP Putrajaya, JBPM

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati **JBPM tidak menetapkan tempoh masa pemeriksaan semula premis bagi tujuan pengeluaran Borang FC7 selepas tamat tarikh Notis FC6.** Perkara ini boleh menyebabkan tiada tindakan pendakwaan diambil sekiranya premis tidak mematuhi Notis FC6.

### **Maklum Balas JBPM yang diterima pada 19 Februari 2024, 16 April 2024 dan 13 Mei 2024**

Tiada tempoh masa yang ditetapkan bagi Borang FC7 dikeluarkan. JBPM mengambil langkah untuk memberikan surat peringatan untuk memohon perakuan bomba kepada premis ditetapkan yang tidak membuat permohonan atau pembaharuan perakuan bomba. Status bagi premis adalah seperti berikut:

#### **Premis A (Premis Kerajaan)**

Pemeriksaan premis telah dilaksanakan pada 26 Disember 2023 dan Perakuan Bomba telah dikeluarkan pada 30 Januari 2024.

#### **Premis B (Premis Swasta)**

Pemeriksaan premis telah dilaksanakan pada 20 Disember 2023 mendapati syarikat masih beroperasi. Permohonan pemeriksaan diterima pada 15 Februari 2024.

#### **Premis C (Premis Kerajaan)**

Fail premis diserahkan untuk tindakan pendakwaan pada 22 Januari 2024.

#### **Premis D (Premis Swasta)**

Premis telah mengemukakan pelan Arkitek pada 7 April 2024 dan dalam proses semakan pegawai.

#### **Premis E (Premis Kerajaan)**

Terima permohonan pemeriksaan pada 16 November 2023. Perakuan Bomba telah dikeluarkan pada 31 Januari 2024.

#### **Premis F (Premis Swasta)**

Penangguhan pemeriksaan semula sehingga bulan Julai 2024.

#### **Premis G (Premis Kerajaan)**

Pemeriksaan premis pada 28 November 2023 dan Perakuan Bomba telah dikeluarkan pada 12 Disember 2023.

Kaedah pemantauan bagi premis ditetapkan yang telah dikeluarkan Notis FC6 telah dibangunkan melalui Sistem e-Premis dalam Modul Perakuan Bomba. Pemantauan melalui sistem ini dibuat dengan kaedah seperti berikut:

- a. Sekiranya tempoh Notis FC6 telah tamat, penetapan tarikh pemeriksaan akan dibuat melalui sistem secara automatik; atau
- b. Sekiranya keperluan-keperluan telah dipatuhi sebelum tamat tempoh Notis FC6, pihak premis boleh memohon pemeriksaan premis ditetapkan.

Melalui kaedah ini, pemantauan boleh dibuat dengan lebih berkesan bagi setiap premis ditetapkan yang telah didaftarkan di dalam Sistem e-Premis.

#### **Pendapat Audit**

**Ketiadaan pengeluaran Borang FC7 menyebabkan kertas siasatan tidak disediakan terhadap tujuh premis dan tiada perakuan bomba berkuatkuasa. Keadaan ini berisiko menyebabkan premis tersebut terdedah kepada bahaya kebakaran.**

### 5.2.2. Kelewatan Pembekalan Kenderaan CFRT

- a. Projek pembekalan 150 unit CFRT telah diluluskan oleh UPE pada tahun 2020 untuk kegunaan JBPM bagi menangani kebakaran, penyelamatan dan segala bentuk bencana. Perjanjian pembekalan telah ditandatangani pada 6 Januari 2023 antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh JBPM dan syarikat 136014-P dengan nilai pembekalan berjumlah RM145.80 juta. Pembekalan tersebut melibatkan 27 fasa pembekalan bermula 20 Julai 2023 hingga 8 Oktober 2025.
- b. Berdasarkan klausa 12, Perjanjian Pembekalan CFRT, kontraktor hendaklah membekal dan menghantar 150 unit CFRT mengikut spesifikasi teknikal dan jadual pembekalan yang ditetapkan. Setakat 31 Disember 2023, sebanyak 21 unit CFRT bernilai RM20.41 juta perlu dibekalkan melibatkan lima fasa pembekalan. Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2023, **kesemua 21 unit CFRT tersebut masih belum dibekalkan dengan kelewatan antara 23 hingga 164 hari**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**MAKLUMAT PROJEK PEMBEKALAN CFRT**

| BIL.          | FASA   | BILANGAN (Unit) | KOS (RM Juta) | TARIKH SEPATUTNYA DIBEKALKAN | TEMPOH KELEWATAN PEMBEKALAN SEHINGGA 31.12.2023 (Hari) |
|---------------|--------|-----------------|---------------|------------------------------|--------------------------------------------------------|
| 1.            | Fasa 1 | 1               | 0.97          | 20.07.2023                   | 164                                                    |
| 2.            | Fasa 2 | 5               | 4.86          | 08.09.2023                   | 114                                                    |
| 3             | Fasa 3 | 5               | 4.86          | 08.10.2023                   | 84                                                     |
| 4.            | Fasa 4 | 5               | 4.86          | 08.11.2023                   | 53                                                     |
| 5.            | Fasa 5 | 5               | 4.86          | 08.12.2023                   | 23                                                     |
| <b>JUMLAH</b> |        | <b>21</b>       | <b>20.41</b>  | <b>-</b>                     |                                                        |

Sumber: Dokumen Perjanjian/SST

- c. Perkara ini berlaku kerana unit pertama CFRT yang telah diuji oleh Jawatankuasa Teknikal, Ujian Pemeriksaan dan Penerimaan bersama pembekal pada 17 hingga 20 Julai 2023 tidak mematuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan dalam perjanjian, seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**SENARAI SPESIFIKASI TEKNIKAL YANG TIDAK DIPATUHI OLEH PEMBEKAL**

| BIL. | BUTIRAN SPESIFIKASI TEKNIKAL                                                      |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Kedudukan <i>Compartment Hose Reel</i> dan <i>Hose Reel Control Valves</i>        |
| 2.   | Jenama <i>Government Integrated Radio Network Hand Held Terminal</i>              |
| 3.   | Jenama <i>Rapelling Glove</i>                                                     |
| 4.   | <i>Melting Point</i> Tali <i>Rescue Line</i>                                      |
| 5.   | Warna dan <i>Tensile Strength Figure Of Eight</i>                                 |
| 6.   | Spesifikasi dan Jenama <i>Handheld Megaphone</i> dan <i>Insulated Bolt Cutter</i> |

Sumber: Laporan *Factory Acceptance Test* JBPM bertarikh 28 Julai 2023

- d. Berdasarkan keputusan mesyuarat Lembaga Perolehan KPKT pada 16 Oktober 2023, permohonan perubahan spesifikasi teknikal perlu mendapat kelulusan pihak Kementerian Kewangan (MoF). Selaras dengan perubahan spesifikasi, pembekal telah mengemukakan jadual pembekalan beserta jadual pembayaran yang baharu. Perubahan jadual pembekalan tersebut adalah di bawah bidang kuasa dan kelulusan JBPM. Perjanjian tambahan juga perlu disediakan bagi tujuan tersebut.
- e. Semakan lanjut mendapati kelulusan MoF bagi permohonan perubahan spesifikasi tanpa sebarang pertambahan kos telah diperoleh pada 21 Disember 2023. Bagaimanapun, **setakat 31 Disember 2023, perjanjian tambahan masih belum disediakan.**

**Maklum Balas KPKT dan JBPM yang diterima pada 19 Februari 2024, 16 April 2024 dan 13 Mei 2024**

Mesyuarat *Contract Coordination Committee* JBPM bertarikh 31 Januari 2024 bersetuju memperakukan penjadualan semula pembekalan 150 unit CFRT iaitu mulai Fasa 1 pada 31 Januari 2024 hingga Fasa 20 pada 31 Julai 2028. Perjanjian tambahan telah ditandatangani pada 31 Januari 2024.

Lima unit CFRT bagi Fasa 1 dan 2 telah dibekalkan pada 31 Januari 2024 dan 29 Februari 2024 serta ditempatkan di BBP Selayang, BBP Bukit Jelutong, BBP Skudai, BBP Pasir Gudang dan BBP Tambun. Empat unit CFRT bagi Fasa 3 telah dibekalkan pada 30 April 2024. Pembayaran untuk unit pertama berjumlah RM918,112 dan unit kedua hingga kelima (RM3.68 juta) dibuat masing-masing pada 8 Februari 2024 dan 11 Mac 2024. Pembayaran bagi empat unit (Fasa 3) berjumlah RM3.51 juta dibuat pada 9 Mei 2024.

|                       |                                                                                                                                                                                         |
|-----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat Audit</b> | <b>Kelewatan pembekalan CFRT mengikut fasa yang ditetapkan berisiko menyebabkan JBPM tidak dapat menangani kebakaran, penyelamatan dan segala bentuk bencana dengan lebih berkesan.</b> |
|-----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

### **5.2.3. Projek Pembinaan BBP dan Kuarters**

#### **5.2.3.1. Kontraktor Penyiap Lewat Dilantik**

- a. Mengikut perenggan 5, Pekeliling Perbendaharaan PK 4.5, agensi hendaklah memastikan pelantikan Kontraktor Penyiap bagi projek sakit selepas Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NP) dikeluarkan kepada kontraktor asal tidak melebihi tiga bulan bagi projek konvensional.

- b. Semakan Audit mendapati kontraktor asal bagi tiga projek sambungan iaitu satu projek sambungan RMKe-10 (BBP dan Kuarters Pitas) dan dua projek sambungan RMKe-11 (BBP Palong 6 dan Naiktaraf BBP Teluk Intan) telah dikeluarkan NP masing-masing pada tahun 2019 dan 2021. Notis penamatan dikeluarkan kerana pencapaian kemajuan kerja tidak mengikut jadual sepatutnya iaitu antara 31.6% hingga 74.1% berbanding jadual antara 90% hingga 100%.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku **kelewatan pelantikan kontraktor penyiap bagi tiga projek tersebut selepas NP dikeluarkan kepada kontraktor asal. Tempoh kelewatan antara 13 hingga 33 bulan.** Kontraktor penyiap bagi projek pembinaan BBP dan Kuarters Pitas telah dilantik pada tahun 2022 manakala BBP Palong 6 dan BBP Teluk Intan masing-masing pada tahun 2023. Sehingga 31 Disember 2023, kemajuan kerja projek adalah antara 21.1% hingga 91.8%. Maklumat lanjut pelantikan kontraktor penyiap dan status projek sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PELANTIKAN KONTRAKTOR PENYIAP DAN STATUS PROJEK**  
**SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

| PROJEK                                  | TARIKH NP/<br>PERATUS<br>KEMAJUAN<br>KERJA<br>BERBANDING<br>JADUAL<br>(%) | TARIKH LANTIKAN<br>KONTRAKTOR PENYIAP |                | TEMPOH<br>KELEWATAN<br>(c) = (a) –<br>(b) | STATUS PROJEK SETAKAT<br>31 DISEMBER 2023      |                                                             |
|-----------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|----------------|-------------------------------------------|------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|
|                                         |                                                                           | SEPATUTNYA<br>(a)                     | SEBENAR<br>(b) |                                           | TARIKH<br>SIAP<br>SEMASA/<br>BIL. EOT/<br>HARI | PERATUS<br>KEMAJUAN<br>KERJA<br>BERBANDING<br>JADUAL<br>(%) |
| Pembinaan BBP dan Kuarters Pitas, Sabah | 02.10.2019<br>(74.14/100)                                                 | 02.01.2020                            | 19.10.2022     | 33 bulan<br>17 hari                       | 25.09.2023<br>EOT: 1<br>(147 hari)             | 91.76/100                                                   |
| Pembinaan BBP Palong 6, Negeri Sembilan | 28.12.2021<br>(40.00/100)                                                 | 28.03.2022                            | 10.05.2023     | 13 bulan<br>12 hari                       | 31.05.2024<br>EOT: 1<br>(95 hari)              | 31.52/22.79<br><b>(Gambar 1)</b>                            |
| Naik taraf BBP Teluk Intan, Perak       | 19.02.2021<br>(31.55/90)                                                  | 19.05.2021                            | 10.03.2023     | 21 bulan<br>19 hari                       | 19.09.2024                                     | 21.13/35.70<br><b>(Gambar 2)</b>                            |

Sumber: Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor, SST dan Laporan Kemajuan Projek

**GAMBAR 1**



BBP Palong 6, Negeri Sembilan  
- Bangunan BBP Dalam Pembinaan  
(23.01.2024)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



BBP Teluk Intan, Perak  
- Bangunan BBP Dalam Pembinaan  
(23.01.2024)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- d. Penjelasan lanjut mengenai sebab kelewatan pelantikan kontraktor penyiap adalah seperti berikut:
- i. **Projek BBP dan Kuarters Pitas** - pihak KPKT perlu melanjutkan tempoh perkhidmatan perunding, pematuhan pelaksanaan PKP pada tahun 2020, melaksanakan proses tender semula sebanyak tiga kali dan mengangkat permohonan NOC untuk kelulusan UPE sebanyak dua kali pada tahun 2021 dan 2022 bagi peningkatan kos sejumlah RM1.54 juta.
  - ii. **Projek BBP Palong 6** - pihak KPKT perlu mematuhi pelaksanaan PKP pada tahun 2021, melaksanakan proses tender semula sebanyak dua kali dan mengangkat permohonan NOC untuk kelulusan UPE/Kementerian Ekonomi sebanyak dua kali pada tahun 2022 dan 2023 bagi peningkatan kos sejumlah RM2.05 juta.
  - iii. **Projek Naik Taraf BBP Teluk Intan** - pihak KPKT perlu melaksanakan proses tender semula dan mengangkat permohonan NOC untuk kelulusan UPE/Kementerian Ekonomi sebanyak tiga kali bagi tempoh tahun 2021 hingga 2023 dengan peningkatan kos projek sejumlah RM2.36 juta.
- e. **Kelewatan menyiapkan baki kerja pembinaan BBP dan Kuarters Pitas serta BBP Palong 6 telah menjejaskan masa respons BBP terdekat ke kawasan tersebut** seperti yang ditetapkan dalam objektif pembinaan. Analisis Audit terhadap data bagi tempoh 2020 hingga 2022 mendapati 81 (91%) daripada 89 insiden kebakaran/menyelamat di kawasan Pitas dan Palong telah dihadiri melebihi 10 minit disebabkan jarak yang jauh, seperti berikut:

- i. Pitas - Daripada 34 insiden, 32 insiden (94.1%) dihadiri melebihi 10 minit ditetapkan.
  - ii. Palong - Daripada 55 insiden, 49 insiden (89.1%) dihadiri melebihi 10 minit.
- f. Bagi projek menyiapkan baki kerja naik taraf BBP Teluk Intan yang belum disiapkan, ia tidak mempengaruhi masa respons bagi BBP Teluk Intan kerana balai bomba tersebut masih beroperasi seperti biasa di balai bomba sementara dalam kawasan yang sama.

#### **5.2.3.2. Projek Pembinaan BBP dan Kuarters Tidak Siap**

- a. Berdasarkan surat setuju terima, kontraktor hendaklah mematuhi tarikh siap yang dinyatakan dalam syarat kontrak ataupun tempoh lanjutan masa yang dibenarkan. Sekiranya kontraktor lewat menyiapkan kerja mengikut jadual yang ditetapkan, sejumlah wang boleh dikenakan yang dikira atas kadar yang dinyatakan sebagai Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan [Liquidated and Ascertained Damages (LAD)] sepanjang tempoh kerja tidak disiapkan sepenuhnya dan potongan sewajarnya dibuat dari apa-apa wang yang kena dibayar.
- b. Semakan Audit mendapati dua projek iaitu projek pembinaan BBP dan Kuarters Nabawan dan projek menyiapkan baki kerja BBP dan Kuarters Pitas **tidak siap pada tarikh siap yang dinyatakan dalam kontrak.** Tarikh siap asal masing-masing adalah pada 17 Jun 2021 (Nabawan) dan 20 Jun 2018 (Pitas). **Projek tersebut juga telah melewati tarikh lanjutan siap yang dibenarkan dan telah dikeluarkan CNC pada bulan September 2023.**
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:
  - i. **Projek BBP dan Kuarters Nabawan** - Tarikh lanjutan siap adalah pada 26 September 2023 (EOT No. 6). CNC telah dikeluarkan pada 26 September 2023. Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2023, **tiada LAD dikenakan bagi tempoh kelewatan sebanyak 96 hari selepas tamat tarikh lanjutan siap tersebut.** Sehingga 31 Disember 2023, status kemajuan fizikal sebenar adalah 98% berbanding 100% mengikut jadual. Tempoh tidak disiapkan dari tarikh siap asal adalah selama dua tahun enam bulan 12 hari.

- ii. **Projek Menyiapkan Baki Kerja BBP dan Kuarters Pitas** - Tarikh lanjutan siap adalah pada 25 September 2023 (EOT No. 1). CNC telah dikeluarkan pada 25 September 2023. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2023, didapati **LAD dikenakan hanya bagi tempoh dua hari atau sejumlah RM737.36 daripada tempoh kelewatan sebanyak 97 hari tersebut.** Status kemajuan fizikal sebenar adalah 91.8% berbanding 100% mengikut jadual. Tempoh tidak disiapkan dari tarikh siap asal adalah lima tahun 11 bulan enam hari.
- iii. Butiran lanjut projek adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**MAKLUMAT PROJEK YANG DIKELUARKAN SIJIL PERAKUAN KERJA TIDAK SIAP**  
**SETAKAT 31 DISEMBER 2023**

| BIL. | PROJEK BBP DAN KUARTERS | TARIKH SIAP                       | BILANGAN EOT/HARI            | TARIKH LANJUTAN SIAP  | TARIKH CNC DIKELUARKAN       | KEMAJUAN FIZIKAL (%) |
|------|-------------------------|-----------------------------------|------------------------------|-----------------------|------------------------------|----------------------|
| 1.   | Nabawan                 | 17.06.2021                        | EOT: 1-6<br>Tempoh: 799 hari | 26.09.2023<br>(EOT 6) | 26.09.2023                   | 98.0                 |
| 2.   | Pitas                   | 20.06.2018<br>(Kontraktor asal)   | EOT: 1-3<br>Tempoh: 263 hari | 10.03.2019<br>(EOT 3) | Notis Penamatan<br>2.10.2019 | 74.1                 |
|      |                         | 1.05.2023<br>(Kontraktor penyiap) | EOT: 1<br>Tempoh: 147 hari   | 25.09.2023<br>(EOT 1) | 25.09.2023                   | 91.8                 |

Sumber: SST/Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa/CNC/Laporan Bulanan Projek

- d. Semakan Audit juga mendapati kelewatan penyiapan projek BBP dan Kuarters Pitas antaranya disebabkan kelewatan mendapatkan arahan melaksanakan keperluan bekalan elektrik untuk *small sewage treatment system* dan penyambungan paip bekalan air ke sistem bekalan Jabatan Air Negeri Sabah. Projek yang belum disiapkan menyebabkan objektif pembinaan untuk meningkatkan masa respons masih belum tercapai.

## **Maklum Balas JBPM Pada 31 Januari 2024 dan 19 Februari 2024**

### **BBP dan Kuarters Pitas**

Arahan Perubahan Kerja telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 18 Januari 2024. Permohonan EOT No. 2 telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemberian Lanjutan Masa (JPLM) peringkat Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan pada 6 Februari 2024. Projek telah diluluskan EOT No. 2 selama 252 hari dengan tarikh siap semasa pada 3 Jun 2024 kerana terdapat penambahan skop kerja bagi pembaikan kerosakan paip dan seterusnya permohonan tersebut akan dibawa ke peringkat JPLM peringkat KSU, KPKT.

### **BBP Palong 6**

Berdasarkan Mesyuarat Tapak bertarikh 31 Januari 2024, kemajuan fizikal di tapak adalah 33.9% (sebenar) berbanding 24.6% (jadual) iaitu dengan kemajuan sebanyak +9.3% atau awal 10 hari). Kerja-kerja yang telah disiapkan antaranya pemasangan pagar pada 15 Julai 2023 dan kerja plaster dinding surau serta stor logistik pada 15 Ogos 2023. Kerja-kerja yang sedang dilaksanakan adalah kerja pemasangan longkang dan *building works*.

### **BBP Teluk Intan**

Projek dalam pembinaan. Pihak kontraktor memaklumkan telah menamatkan perkhidmatan sub-kontraktor yang menyebabkan kelewatan dan menyatakan komitmen untuk menyiapkan projek dengan melaksanakan langkah pemulihan antaranya menyusun semula pasukan pengurusan di tapak, komunikasi dengan pihak perunding dengan lebih kerap dan menyediakan *recovery plan* dalam bentuk *Critical Path Method* yang baru.

### **BBP dan Kuarters Nabawan**

Surat peringatan kelewatan kerja dikeluarkan kepada kontraktor pada 22 Januari 2024. Kontraktor diarahkan untuk meningkatkan produktiviti kerja di tapak dan menyediakan perancangan pemulihan.

|                           |  |                                                                                                                                                        |
|---------------------------|--|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat<br/>Audit</b> |  | <b>Kelewatan pelantikan kontraktor penyiap dan projek yang tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan memberi kesan kepada masa respons BBP terdekat.</b> |
|---------------------------|--|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

#### **5.2.4. Kenderaan Operasi JBPM**

- a. Berdasarkan kepada data kenderaan operasi JBPM sehingga 31 Disember 2023, JBPM mempunyai 2,374 unit kenderaan operasi yang bernilai RM2.083 bilion. Kenderaan operasi JBPM terdiri daripada 644 unit jentera bomba, 827 unit kenderaan khas, 891 unit kenderaan marin dan 12 unit kenderaan udara. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**JENIS DAN KEGUNAAN KENDERAAN OPERASI JBPM SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

| JENIS KENDERAAN | KEGUNAAN                                                                                                                                                                         | BILANGAN     | NILAI<br>(RM Juta) |
|-----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|--------------------|
| Jentera         | Jentera bertangki air dilengkapi peralatan memadam dan menyelamatkan seperti <i>Fire Rescue Tender</i> (FRT) dan <i>Light Fire Rescue Tender</i> (LFRT).                         | 644          | 882.58             |
| Kenderaan Khas  | Kenderaan digunakan sebagai bantuan khas operasi seperti <i>water tanker</i> , kenderaan <i>hazardous materials</i> (HAZMAT) dan <i>Emergency Medical Rescue Vehicle</i> (EMRS). | 827          | 638.77             |
| Marin           | Semua jenis kenderaan di air seperti <i>Fire Rescue Boat</i> , <i>Jet Ski</i> dan bot penyelamat.                                                                                | 891          | 61.73              |
| Udara           | Helikopter dan pesawat tanpa pemandu (drone)                                                                                                                                     | 12           | 500.42             |
| <b>JUMLAH</b>   |                                                                                                                                                                                  | <b>2,374</b> | <b>2,083.50</b>    |

Sumber: Data Kenderaan Operasi JBPM sehingga 31 Disember 2023 dan Garis Panduan Penyelenggaraan Kenderaan Bomba dan Peralatan Kebombaan Berenjin

- b. Semakan Audit selanjutnya terhadap data kenderaan operasi JBPM mendapati sebanyak **1,667 (70.2%) unit boleh digunakan, 546 (23%) unit dalam tindakan pembaikan dan 161 (6.8%) unit kenderaan operasi dalam cadangan tindakan pelupusan** seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**STATUS KENDERAAN OPERASI SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

| JENIS KENDERAAN | BILANGAN     | STATUS               |                             |                   |
|-----------------|--------------|----------------------|-----------------------------|-------------------|
|                 |              | GUNA                 | PEMBAIKAN/<br>PENYENGGARAAN | CADANG LUPUS      |
| Jentera         | 644          | 419                  | 172                         | 53                |
| Kenderaan Khas  | 827          | 578                  | 194                         | 55                |
| Marin           | 891          | 660                  | 178                         | 53                |
| Udara           | 12*          | 10                   | 2**                         | 0                 |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>2,374</b> | <b>1,667 (70.2%)</b> | <b>546 (23%)</b>            | <b>161 (6.8%)</b> |

Sumber: Data Kenderaan Operasi JBPM sehingga 31 Disember 2023

(\*) - Kenderaan Udara = Sembilan Helikopter dan Tiga Pesawat Tanpa Pemandu

(\*\*) - Dua Kenderaan Udara Dalam Penyelenggaraan = Helikopter

- c. Semakan fizikal Audit pada bulan Mei dan Jun 2023 di Bahagian Kejuruteraan JBPM Negeri Selangor dan Johor mendapati sebanyak 51 kenderaan operasi telah mengalami kerosakan dan masih belum dibaiki. Berdasarkan kepada pengiraan Audit, tempoh kerosakan adalah antara enam hingga 1,497 hari bermula daripada tarikh laporan kerosakan dibuat sehingga pemeriksaan fizikal Audit.
- d. Semakan Audit mendapati lapan (15.7%) kenderaan operasi JBPM yang rosak tersebut berusia melebihi 21 tahun, 42 (82.3%) berusia 10 tahun ke 20 tahun dan satu (2%) berusia bawah 10 tahun. Maklumat lanjut mengenai kerosakan dan usia adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**STATUS KEROSAKAN JENTERA BOMBA DI JBPM NEGERI SELANGOR DAN JOHOR**

| NEGERI/<br>TARIKH<br>SEMAKAN  | JENIS<br>KENDERAAN<br>OPERASI | BIL.<br>KENDERAAN<br>OPERASI<br>YANG ROSAK | USIA KENDERAAN OPERASI |                   |                    | TEMPOH<br>KEROSAKAN<br>(Hari) | JENIS<br>KEROSAKAN                                      |
|-------------------------------|-------------------------------|--------------------------------------------|------------------------|-------------------|--------------------|-------------------------------|---------------------------------------------------------|
|                               |                               |                                            | < 10<br>(Tahun)        | 10 -20<br>(Tahun) | 21 - 30<br>(Tahun) |                               |                                                         |
| Selangor<br>(18 - 24.05.2023) | Jentera<br>Bomba              | 22                                         | 0                      | 18                | 4                  | 6 - 1,497                     | Gear, radiator,<br>brek, tangki air,<br>enjin dan pam.  |
|                               | Kenderaan<br>Khas             | 3                                          | 1                      | 0                 | 2                  | 12 - 208                      | Mengalami<br>kerosakan dan<br>tidak dapat<br>digunakan. |
| Johor<br>(19 - 22.06.2023)    | Jentera<br>Bomba              | 25                                         | 0                      | 24                | 1                  | 12 - 444                      | Tangki air, enjin,<br>kabin dan brek.                   |
|                               | Kenderaan<br>Khas             | 1                                          | 0                      | 0                 | 1                  | 169                           | Kabin silinder,<br><i>alternator</i>                    |
| <b>JUMLAH</b>                 |                               | <b>51</b>                                  | <b>1</b>               | <b>42</b>         | <b>8</b>           |                               |                                                         |

Sumber: Borang Laporan Kerosakan Kej-1, Maklumat Kenderaan dari JBPM Negeri Selangor dan JBPM Negeri Johor

- e. Semakan Audit mendapati 14 (0.6%) kenderaan operasi telah berusia melebihi 30 tahun dan mengakibatkan tahap kecekapan kenderaan operasi telah berkurangan. Sebanyak 257 (10.8%) adalah berusia 21 hingga 30 tahun dan 1,304 (54.9%) berusia 11 hingga 20 tahun. Maklumat lanjut bagi usia kenderaan operasi adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**ANALISIS USIA KENDERAAN OPERASI SETAKAT 31 DISEMBER 2023**

| JENIS<br>KENDERAAN | BILANGAN     | USIA (Tahun)     |                    |                      |                    |
|--------------------|--------------|------------------|--------------------|----------------------|--------------------|
|                    |              | > 30             | 21-30              | 11 HINGGA 20         | 10 DAN KE BAWAH    |
| Jentera            | 644          | 11               | 95                 | 382                  | 156                |
| Kenderaan Khas     | 827          | 3                | 52                 | 263                  | 509                |
| Marin              | 891          | 0                | 107                | 655                  | 129                |
| Udara              | 12           | 0                | 3                  | 4                    | 5                  |
| <b>JUMLAH</b>      | <b>2,374</b> | <b>14 (0.6%)</b> | <b>257 (10.8%)</b> | <b>1,304 (54.9%)</b> | <b>799 (33.7%)</b> |

Sumber: Data Kenderaan Operasi JBPM sehingga 31 Disember 2023

- f. Berdasarkan status kenderaan operasi tersebut, JBPM menyelaras bilangan kenderaan di setiap BBP secara harian bagi tujuan kesiapsiagaan dalam menjalankan aktiviti memadam dan khidmat kemanusiaan.

## **Maklum Balas JBPM yang diterima pada 26 Januari 2024 dan 19 Februari 2024**

### **JBPM Negeri Selangor**

- a. Jentera FRT/LFRT - 19 jentera telah selesai pembaikan, dua jentera dicadang lupus dan satu tidak beroperasi kerana tidak diluluskan peruntukan pembaikan di bawah AP168 bagi tahun 2023.
- b. Kenderaan Khas - dua selesai pembaikan manakala satu dalam proses pembetulan kecacatan oleh pembekal kerana masih terdapat kerosakan yang dikesan semasa ujian penyerahan.

### **JBPM Negeri Johor**

- a. Jentera FRT/LFRT
  - i. Satu tidak beroperasi akibat kemalangan dan perlu dibuat penilaian semula kerana telah empat tahun tidak beroperasi.
  - ii. Empat dalam tindakan pembaikan.
  - iii. Empat selesai pembaikan.
  - iv. 12 masih digunakan untuk operasi kebombaian manakala empat belum dibaiki dan telah mendapat kelulusan dalam permohonan peruntukan mengurus tahun 2024.
- b. Kenderaan Khas - satu kenderaan HAZMAT tidak beroperasi kerana tiada peruntukan untuk pembaikan. Anggaran kos bagi pembaikan telah dibuat untuk permohonan peruntukan.

### **Ibu Pejabat JBPM**

Kementerian Ekonomi telah meluluskan peruntukan tahun 2024 bagi kerja penyenggaraan jentera sebanyak RM12 juta di bawah peruntukan pembangunan. Kementerian Ekonomi juga telah meluluskan peruntukan pembangunan tahun 2024 bagi projek *refurbishment* 30 FRT sebanyak RM18 juta.

|                       |                                                                                                                                                      |
|-----------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat Audit</b> | <b>Kenderaan operasi yang boleh digunakan perlu ditingkatkan supaya JBPM dapat memberikan perkhidmatan kebombaian yang lebih cekap dan berkesan.</b> |
|-----------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disarankan JBPM untuk mengambil tindakan berikut:

6.1. Memberikan perhatian yang serius terhadap premis yang tidak mempunyai perakuan bomba. Tempoh masa pemeriksaan semula premis bagi tujuan pengeluaran Borang FC7 selepas tamat tarikh Notis FC6 perlu ditetapkan. Ini bagi memastikan tindakan pendakwaan dapat diambil sekiranya premis tidak mematuhi Notis FC6;

6.2. Program kesedaran awam perlu dinilai bagi menentukan keberkesanannya serta mengenal pasti ruang penambahbaikan;

6.3. Memastikan semua pembekalan aset dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya tahap kecekapan perkhidmatan kebombaian dapat ditingkatkan; dan

6.4. Memastikan semua projek pembangunan disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan agar perkhidmatan kebombaian tidak terjejas.